



PERSATUAN BANK BANK DALAM MALAYSIA
THE ASSOCIATION OF BANKS IN MALAYSIA

Headline: Peniaga rugi RM80,000 bayar 'tunggakan cukai'
Publication/Portal: Harian Metro
Date: 30 September 2021

Language: Malay
Section: Lokal
Page: 25

Alor Setar: Selepas dihubungi 'pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) sebelum panggilan disambung ke 'Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Melaka', 'Telekom Malaysia' dan ke 'Bukit Aman', akhirnya seorang peniaga berusia 68 tahun menyerahkan RM80,000 kepada sindiket Macau Scam kononnya sebagai bayaran tunggakan cukai.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersil Kedah Superintendan Elias Omar berkata, kejadian berlaku

Peniaga rugi RM80,000 bayar 'tunggakan cukai'

pada 24 September lalu apabila mangsa mendakwa menerima panggilan daripada 'pegawai LHDN' mendakwa dia memiliki hutang tertunggak dengan agensi berkenaan.

"Mangsa menafikannya sebelum panggilannya disambung ke IPK Melaka. Bagi meyakinkannya yang dia sedang berkomunikasi dengan IPK Melaka, panggilan kemudian disambung pula ke Telekom Malaysia.

"Selepas itu, panggilan disambung ke Bukit Aman dan mangsa diperdengarkan siaran radio berkaitan kad pengenalan mangsa yang terbabit dengan kes pengubahan wang haram serta pengedaran dadah," katanya pada kenyataan semalam.

Menurut Elias, mangsa kemudian diugut dengan

waran tangkap selain diminta membuat akuan sumpah secara virtual untuk menyimpan rahsia dan tidak boleh mendedahkan kes terbabit kepada sesiapa termasuk ahli keluarganya.

"Pada 27 September lalu, mangsa membuat tiga transaksi berjumlah RM80,000 ke akaun yang dimaklum-

kan oleh sindiket.

"Mangsa yang menyedari diperdaya membuat laporan berkaitan kejadian itu di Balai Polis Kota Setar," katanya.

Kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan kerana menipu.

Beliau menasihati orang ramai supaya jangan mudah terpedaya untuk memindahkan wang ke mana-mana akaun bank.

"Pihak seperti polis,

LHDN dan lain-lain agensi kerajaan tidak akan meminta mana-mana pihak memindahkan wang ke akaun bank tertentu.

"Untuk maklumat lanjut, boleh hubungi CCIS Response Center di talian 03-26101559/1599," katanya.

Semakan juga boleh dilakukan di <http://ccid.rmp.gov.my/semakmule/> dan Bank Negara Malaysia mengenai kesahihan akaun bank.

Mangsa diugut dengan waran tangkap dan diminta buat akuan sumpah